

PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG
07 MEI 2021
JUMAAT



AKHBAR

TAJUK BERITA

M/S

KOSMO

TAK SAMPAI SEBULAN, ROSAK LAGI

2



KOSMO

Kosmo, Jumaat 7/5/21 m.s 18.

Tak sampai sebulan, rosak lagi

Oleh KHAIRUL MOHD ALI


PASIR GUDANG – Tidak sampai sebulan selepas kerja-kerja baik pulih dilakukan membabitkan kos RM10 juta, Lebuhraya Pasir Gudang di sini sekali lagi dikesan mengalami kerosakan baharu sehingga mengundang bahaya kepada pengguna.

Seorang pengguna jalan raya, Murad Jailani berkata, kerosakan yang dikesan itu membabitkan jalan berlubang dan tar pecah.

“Peruntukan sebanyak RM10 juta bagi kos penyelenggaraan Lebuhraya Pasir Gudang ini dilihat gagal menyelesaikan isu kerosakan yang sering kali berlaku.

“Sebulan selepas kerja-kerja penyelenggaraan dijalankan, permukaan jalan mulai pecah dan berlubang semula akibat kenderaan berat yang sentiasa melalui lebuhraya ini,” katanya di sini semalam.

Terdahulu, tiga lokasi di lebuhraya berkenaan telah diselenggara baru-baru ini melibatkan laluan Plentong ke Taman Rinting,



ANTARA kerosakan baharu yang dikesan di Lebuhraya Pasir Gudang selepas kira-kira sebulan diselenggara.

Taman Daya ke Persimpangan Pandan dan di Taman Perling.

Tambah Murad, pihaknya bagaimanapun kecewa dengan kualiti kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor yang dilantik Jabatan Kerja Raya Johor.

“Inikah nilai hasil kerja kontrak bernilai RM10 juta yang diberikan kepada mereka.

“Persoalannya sampai bila rakyat hendak dijadikan korban

atas kerja yang tidak berkualiti dan sampai bila peruntukan yang diumumkan hendak dibazirkan begitu sahaja,” soalnya.

Sehubungan itu, pihaknya mencadangkan agar kerajaan dapat kaji penggunaan bahan turapan yang lebih baik bagi menggantikan bahan yang sedia ada yang terbukti kurang berkesan dari segi ketahanan dan keselamatan untuk jangka panjang.

